

15 OCT 1997

Najib - Tabung

TABUNG PENDIDIKAN NASIONAL BEROPERASI NOVEMBER

KUALA LUMPUR, 15 Okt (Bernama) -- Tabung Pendidikan Tinggi Nasional yang bertujuan memberi pinjaman kepada pelajar mengikuti kursus peringkat ijazah di institusi pengajian tinggi awam dan swasta tempatan dijadual beroperasi 1 Nov ini.

Serentak itu, Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan pelantikan anggota Parlimen Tambun Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan Tabung Pendidikan Nasional untuk tempoh dua tahun mulai 1 Nov juga.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersetuju dengan pelantikan Ahmad Husni, 45, yang berpengalaman luas dalam bidang pengurusan, kata Najib kepada pemberita di kementerian itu hari ini.

Perbadanan itu akan diuruskan oleh 33 pegawai yang diketuai oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif.

Najib berkata Pengarah Institut Pembangunan dan Keusahawanan Universiti Utara Malaysia Prof Madya Dr Sudin Haron dipinjamkan kepada perbadanan itu selama dua tahun mulai 1 Nov ini untuk memegang jawatan Ketua Pegawai Eksekutif.

"Dari segi peruntukan tahunan, peruntukan awalan sebanyak RM100 juta telah diluluskan untuk tabung ini," katanya.

Peruntukan itu mungkin ditambah pada masa depan.

Usaha sedang diambil untuk menyediakan borang dan peraturan supaya pinjaman dapat dikeluarkan bagi pelajar dengan seberapa segera.

Prosedur dan syarat-syarat itu akan dibincangkan pada mesyuarat pertama lembaga pengarah perbadanan November ini. Perbadanan itu berpejabat di bangunan lama Bursa Saham Kuala Lumpur di Wisma Chase Perdana.

"Syarat-syarat ini akan diumumkan sebaik sahaja mesyuarat lembaga yang pertama diadakan...tetapi antaranya kerajaan telah memutuskan dari segi kelayakan anak semua kakitangan kerajaan layak dipertimbangkan.

"Kita hendak tentukan keadilan supaya mereka yang miskin dari luar bandar, yang kurang mampu, anak kepada kakitangan rendah swasta dan kerajaan, kelas pertengahan, semuanya ini boleh mendapat nikmat daripada pinjaman tabung pendidikan nasional ini," katanya.

Pinjaman itu dihadkan untuk pengajian di institusi pengajian tinggi awam dan swasta dalam negara sahaja.

Najib berkata pinjaman itu akan diberikan kepada seberapa ramai pelajar melainkan mereka yang datang daripada keluarga kaya dan mampu menmbiayai pendidikan sendiri.

Kakitangan kerajaan yang melanjutkan pengajian peringkat ijazah ke universiti tempatan juga akan dipertimbangkan untuk mendapat pinjaman itu, katanya.

Mereka yang mendapat pinjaman daripada tabung itu disyaratkan membayar balik pinjaman tidak lewat dari enam bulan selepas tamat pengajian.

Bagi melincinkan urusan kutipan balik pinjaman, kerajaan telah bersetuju melantik Lembaga Hasil Dalam Negeri sebagai agen pemungut bagi pihak tabung.

Kerajaan juga memutuskan supaya pinjaman yang diberikan kepada pelajar jurusan sains dan teknologi dikenakan faedah 2 peratus setahun dengan tempoh bayaran baik selama 15 tahun manakala pelajar sastera pula dikenakan faedah 4 peratus setahun dengan tempoh bayaran balik selama 10 tahun.

Ini selaras dengan hasrat dan dasar kerajaan untuk meningkatkan bilangan pelajar dalam bidang itu, katanya.

"Perbezaan ini wajar memandangkan tempoh masa pengajian pelajar jurusan sains dan teknologi adalah lebih lama dengan jumlah pinjaman lebih besar berbanding dengan pelajar jurusan sastera," kata Najib.

Jumlah pinjaman yang akan diberikan meliputi yuran pengajian dan sara hidup.

-- BERNAMA  
AZZ MAI